



**KERAJAAN SERI PADUKA BAGINDA
MALAYSIA**

PEKELILING PERKHIDMATAN BIL. 3 TAHUN 1986

**PINDAAN KEPADA PEKELILING PERKHIDMATAN BIL. 8 TAHUN 1982
MENGENAI ELAUN DAN TAMBANG BAGI MENGHADIRI
MESYUARAT-MESYUARAT MAJLIS BERSAMA KEBANGSAAN**

1. Tujuan

1.1 Tujuan Pekeliling ini ialah untuk memaklumkan perluasan pemakaian Pekeliling Perkhidmatan Bil. 8 Tahun 1982.

2. Latar Belakang

2.1 Di bawah Pekeliling Perkhidmatan Bil. 8 Tahun 1982, Pekerja-pekerja yang dilantik menjadi ahli-ahli Majlis Pihak Pekerja Majlis Bersama Kebangsaan boleh dibayar Elaun Hidup dan Tambang apabila mereka dikehendaki menghadiri mesyuarat Majlis-majlis itu dan Majlis Bersama Kebangsaan. Pembayaran Elaun Hidup dan Tambang ini adalah sebagai langkah untuk meringankan belanja ahli-ahli berkenaan dan ianya adalah tertakluk kepada syarat-syarat dan kadar yang ditetapkan dalam Pekeliling Perkhidmatan tersebut. Mesyuarat-mesyuarat yang melayakkan mereka menikmati kemudahan ini ialah mesyuarat Majlis Bersama Kebangsaan di peringkat kebangsaan, mesyuarat Pihak Pekerja yang diadakan sehari sebelum mesyuarat Majlis Bersama Kebangsaan dan mesyuarat atau perjumpaan rasmi yang diarahkan oleh Y.A.B. Perdana Menteri untuk membincangkan perkara-perkara mengenai saraan dan syarat-syarat perkhidmatan pekerja sektor awam. Oleh kerana pada masa ini terdapat banyak mesyuarat lain yang tidak termasuk dalam mesyuarat-mesyuarat yang ditetapkan, maka adalah dipersetujui bahawa syarat kelayakan menikmati bantuan ini diperluaskan juga kepada mesyuarat-mesyuarat yang lain itu.


3. Pindaan

3.1 Dengan ini adalah dipersetujui bahawa perenggan 2 (c) Pekeliling Perkhidmatan Bil. 8 Tahun 1982 dibatalkan dan digantikan dengan perenggan baru seperti berikut:

2 (c) Mesyuarat/perjumpaan yang diarahkan atau dipanggil oleh Kerajaan atau diadakan dengan persetujuan Kerajaan.

4. Tarikh Kuatkuasa

4.1 Pekeliling Perkhidmatan ini adalah berkuatkuasa mulai dari tarikh Pekeliling ini dikeluarkan.



TAN SRI ROZHAN BIN KUNTOM,
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,
Malaysia

15hb Mac 1986

Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia,
Tingkat 3-13 & 15, Wisma BERNAMA, Jalan Tun Razak, 50510 Kuala Lumpur
Telefon: 2938444, Alamat Telegraf: "Festoff Kuala Lumpur"